

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.05.2016

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. sama ada beliau membaca dokumen-dokumen 1MDB yang memerlukan tandatangan beliau untuk kelulusan dan sama ada beliau memahami kandungan dokumen 1MDB sebelum menurunkan tanda tangan beliau ; dan
- b. sama ada beliau telah diperdaya oleh Pegawai Eksekutif 1MDB dan pegawai-pegawai beliau untuk menandatangani dokumen yang membenarkan pemindahan berbilion ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tiada sebarang bukti di dalam Laporan PAC yang menunjukkan salah laku oleh YAB Perdana Menteri dalam pentadbiran 1MDB. Semua keputusan dan urusan niaga 1MDB dibuat oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB.